

Malaysia tak bercadang jadi orang tengah konflik AS-Iraq

UM - 9 SEP 2002

PULAU PANGKOR 8 Sept. — Malaysia tidak bercadang menjadi orang tengah dalam konflik antara Amerika Syarikat (AS) dengan Iraq seperti yang dilakukannya dalam konflik di Myanmar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tugas itu terlalu besar untuk dipikul oleh sebuah negara kecil seperti Malaysia.

“Kita tidak boleh mengendalikannya...ia perkara yang begitu besar,” katanya apabila ditanya sama ada Malaysia akan memainkan peranan sebagai orang tengah seperti yang dilakukan di Myanmar.

Dalam kes Myanmar, Malaysia dijemput untuk memainkan peranan itu, jelas Dr. Mahathir semasa berdialog dengan para peserta Forum Kepimpinan Global Asia di Pangkor Laut Resort di sini hari ini.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia seperti kebanyakan negara lain membantah keras serangan AS terhadap Iraq kerana ia hanya akan menambahkan lagi kemarahan orang Islam di serata dunia.

Katanya, serangan itu tidak wajar dilakukan, malah negara-negara Teluk yang memberikan kerjasama semasa AS menyerang Iraq dalam Perang Teluk turut tidak bersetuju dengan serangan terbaru itu.

“Walaupun mereka tidak suka Saddam Hussein (Presiden Iraq) dan mengutuk lebih daripada yang Barat lakukan tetapi mereka tidak setuju Iraq diserang,” katanya.

Dialog tersebut diadakan sejurus selepas beliau menyampaikan ucapтамanya pada majlis penutup forum itu.

Dr. Mahathir berkata, untuk memerangi keganasan, mana-mana negara tidak harus menggunakan pendekatan ketenteraan kerana ia hanya akan menambahkan kemarahan dan mengakibatkan mereka bertindak balas.

Mengenai pekerja asing yang dihantar pulang, Perdana Menteri berkata, langkah itu diambil kerana pekerja terbabit tidak mempunyai dokumen perjalanan, selain untuk melindungi pekerja tempatan.

Katanya, dengan memasuki Malaysia secara haram, mereka mungkin tidak mendapat pekerjaan dan keadaan itu akan mendorong mereka melakukan jenayah kerana desakan hidup.

“Sebab itu kita sentiasa mengamalkan pendekatan jiran memakmurkan jiran supaya masalah-masalah seperti itu dapat dihapuskan, selain setiap negara dapat saling melengkapi keperluan masing-masing,” katanya.